

OP BENTENG: Perancangan Media Oleh Pasukan Petugas Kebangsaan (*National Task Force*) Membentuk Kesedaran Rakyat Membanteras Jenayah

Burhanuddin Jalal¹, Mohd Arif bin Ahmad Suparman¹ dan Mohd Kenali Basiron¹

¹Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Abstrak

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan *National Task Force* (NTF) yang diketuai oleh Angkatan Tentera Malaysia dengan kolaborasi bersama agensi penguatkuasaan lain usaha mengekang pelbagai ancaman dan jenayah khususnya ancaman keselamatan bukan tradisional (*nontraditional treat*) yang boleh menggugat keselamatan negara. 19 agensi bergabung dalam menjayakan operasi bersepadu yang dinamakan sebagai Operasi Benteng (OP BENTENG), sekali gus merealisasikan pendekatan pertahanan menyeluruh (HANRUH) yang telah diperkenal oleh pihak kerajaan sebelum ini. Objektif kajian ialah untuk menerangkan peranan organisasi *National Task Force*, menjelaskan pelaksanaan dan perancangan media dalam media kesedaran dalam kalangan rakyat untuk membanteras jenayah dan menganalisis keberkesanan perancangan media dalam OP BENTENG. Kajian perpustakaan, analisis dokumentasi, temu bual, soal sedik serta pemerhatian telah digunakan pada memperoleh serta menganalisis data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat usaha-usaha dan pendekatan yang konstruktif yang dilakukan menerusi perancangan media (*media planning*) oleh *National Task Force* bagi membina kesedaran rakyat untuk bersama kerajaan untuk membanteras ancaman keselamatan yang berbentuk ancaman tradisional dan juga ancaman bukan tradisional.

Kata kunci: Ancaman, kesedaran, keselamatan, media, *National Task Force*, OP BENTENG,

1. Pendahuluan

Suasana dan cabaran keselamatan negara telah berubah dan cabaran yang ketara ialah wujudnya ancaman keselamatan yang bukan bercotak tradisional (*non-traditional treat*). Antara isu-isu yang ancaman keselamatan bukan tradisional yang dimaksudkan ialah seperti isu pemanasan global, kekurangan makanan, isu air bersih, pencemaran alam sekitar, perdagangan manusia, jenayah rentas sempadan, penyeludupan dadah, penyakit, bencana alam, keganasan, penggubalan wang haram, jenayah siber dan juga jenayah yang bersifat antarabangsa.

Menurut Melly Caballero Anthony [1], kesemua ancaman baru ini bersifat lebih serius dan sistematik. Kemunculan ancaman bukan tradisional ini juga memerlukan pendekatan keselamatan dan pertahanan yang baru untuk memastikan keselamatan negara khususnya di kawasan sempadan darat dan maritim negara perlu diperkukuh kerana ancaman tersebut kemungkinan ditimbulkan oleh aktor bukan negara dan juga ancaman dari sumber bukan manusia [2]. Bagi Ohio [3], risiko keselamatan terhadap kepentingan negara dalam era globalisasi bukan sahaja dalam bentuk

ancaman traditional tetapi juga jenayah yang berskala kecil seperti jenayah yang melibatkan tubuh badan, jenayah harta benda, pendatang tanpa izin dan juga penyeludupan barangan. Dalam hal ini Hans Morgenthau [4], dalam bukunya '*Politics Among Nations*' telah menekankan ciri keselamatan sempadan sebagai teras kepada 'kedaulatan wilayah negara serta institusinya'. Malaysia secara geografi terletak di Asia Tenggara dan Semenanjung Malaysia merupakan titik paling selatan dari tiga benua iaitu Asia, Rusia dan Eropah. Lautan Hindi dan Laut China Selatan dipisahkan oleh Semenanjung Malaysia dan selain itu, Sabah dan Sarawak sering dikaitkan dengan Indonesia dan Filipina. Sempadan Malaysia secara fizikal dibahagikan kepada dua tanah besar iaitu Malaysia Barat dan Malaysia Timur. Semenanjung Malaysia mempunyai keluasan tanah 131,585 kilometer persegi manakala Malaysia Timur mempunyai keluasan daratan 9,210,080 kilometer persegi (km) yang terletak di Pulau Borneo yang berkedudukan 650 kilometer dari Laut China Selatan. Negara yang bersempadan dengan Malaysia ialah Singapura, Filipina, Brunei, Thailand dan Indonesia sebagai satu entiti [5].

Isu berkaitan ancaman keselamatan non tradisional ini juga melibatkan negara Malaysia kerana sebahagian besar sempadan daratan negara Malaysia belum dibangunkan sepenuhnya dan banyak isu keselamatan atas faktor ini. Selain dari itu sempadan maritim negara yang direkodkan sebagai kawasan yang paling terdedah dengan jenayah ialah kawasan yang melibatkan kawasan dari Rantau panjang Ke Pangkalan Kubur di Kelantan sejauh 29.9 kilometer dan merupakan kawasan yang banyak aktiviti harian dilakukan dengan tidak melalui laluan yang dibenarkan [6]. Selain dari itu kawasan sempadan negara juga terdedah kepada kegiatan penyeludupan dadah serta tumpuan kemasukan pendatang tanpa izin khususnya dari Myanmar, Thailand, Indonesia dan juga pendatang tanpa izin dari Bangladesh. Ternyata kesemua ini memberikan kesan yang tidak baik dalam aspek keselamatan dan kestabilan sosio-ekonomi negara.

2. Penubuhan Pasukan Petugas Kebangsaan atau National Task Force of Malaysia (NTF)

Berdasarkan kepada perkembangan keselamatan semasa negara, kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan atau *National Task Force* pada 6 Mei 2020 untuk menyatu dan mengurus risiko dan operasi dengan nama OP BENTENG yang bertujuan menghalang kemasukan pendatang tanpa izin dan mencegah penularan COVID-19 di sepanjang sempadan Malaysia. Operasi kawalan sempadan dilaksanakan dengan mengatur gerak angkatan bersepadu bagi mengawal kawasan teras (daratan) dan menguasai kawasan lanjutan serta hadapan (maritim dan udara) melalui kaedah 6D iaitu '*deter*' (pencegahan), '*detect*' (pengesanan), '*deny*' (penghindaran), '*detour*' (pelencongan), '*detain*' (penahanan) dan '*deportation*' (pengusiran). Secara umumnya Pasukan NTF yang melaksanakan OP BENTENG ini terlibat 19 agensi dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilantik sebagai agensi peneraju NTF bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan 15 agensi penguatkuasaan lain termasuk Kementerian Kesihatan (KKM) [7].


3. Peranan Media Dalam Memberi Kesedaran Kepada Rakyat

Secara umumnya media turut berperanan dalam isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan negara. Menurut Anthony, Mely Caballero [8] dalam artikelnya, *'From Comprehensive Security to Regional Resilience: Coping with Non-traditional Security Challenges'* telah menjelaskan bahawa hubungan media dengan agensi keselamatan amat penting dan memberi impak yang mendalam. Selain dari itu pengaruh rangkaian maklumat serantau dan global serta penggunaan teknologi yang canggih telah menjadi satu medium keselamatan yang mempunyai autonomi yang tersendiri. Oleh yang demikian, kuasa untuk menggunakan media bagi membantu kerajaan untuk membina persepsi dan tingkah laku awam terhadap isu-isu keselamatan serta keperluan untuk melancarkan agenda strategik negara melalui pendekatan media yang tersusun merupakan tindakan yang amat perlu [9].

Selain dari itu keupayaan media global untuk menyampaikan berita dalam bentuk audio dan visual dengan kadar yang cepat, berterusan serta merentasi sempadan dan juga bersifat transnasional dan multinasional telah menjadikan isu-isu dalam negara dan rakyat yang berada di dalam dan di luar negara dapat mengetahui hal ehwal negara dalam masa yang pantas [10]. Bagi Afolabi, Muyiwa Bamidele [11] menjelaskan, fungsi media dalam melaporkan konflik atau bencana bukan sahaja boleh memaklumkan tentang keselamatan dan juga pembangunan tetapi ia juga boleh menggambarkan polisi dan juga hal-hal yang bersangkutan dengan ekonomi, dan juga hal ehwal ketenteraan sesebuah negara tersebut. Untuk itu Bedford [12] menyimpulkan bahawa peranan media dalam isu-isu keselamatan membolehkan media membuat keputusan yang bersifat sedar berdasarkan bukti-bukti yang telah dipaparkan. Namun demikian pihak media dan agensi keselamatan perlu menyedari peranan masing-masing serta berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semasa dan teknologi yang berkembang serta ancaman baru yang muncul [13].

Oleh yang demikian, maklumat yang diperoleh atau dipaparkan melalui media sewajarnya menjadi instrumen kuasa yang bersifat 'lembut' dan ia boleh dijadikan senjata yang bersifat strategik dan berkesan [14]. Untuk itu pihak berkuasa dan agensi keselamatan perlu memanfaatkan media sebaik mungkin serta mampu mengekalkan hubungan baik serta saling bekerjasama untuk mendidik masyarakat umum dan juga mengiktiraf dasar keselamatan negara serta memperakui segala dasar-dasar yang jelas bagi memastikan keselamatan dan pertahanan negara terjamin [15]. Ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Abraham [16], yang menyatakan media ialah entiti yang paling berkuasa di bumi kerana mereka mempunyai kuasa untuk menyalahkan orang, individu, kumpulan atau siapa sahaja yang tidak bersalah, yang membuat salah menjadi tudak bersalah serta mampu untuk mengawal fikiran dan pendapat umum. Untuk itu kempen keselamatan melalui media merupakan salah satu peranan yang penting. Kempen serta perancangan media yang melibatkan pelbagai aspek serta pendekatan dapat mempengaruhi kesedaran serta corak tingkah laku dalam pelbagai bidang kehidupan. Matlamat kempen keselamatan ialah supaya khalayak atau masyarakat mendapat manfaat berdasarkan inisiatif yang buat dan bukan berbentuk keuntungan dalam masa yang singkat dan yang paling penting ialah interaksi massa dengan media berterusan [17]. Bagi menjayakan lagi perancangan media, terdapat beberapa aspek yang perlu diperhatikan bagi memastikan perancangan media itu dapat dijayakan dengan berkesan. Menurut pendapat

Taylor, S., Workman [18] terdapat empat sifat media yang sedia ada di pasaran bagi perlu dikenal pasti serta dimanfaatkan sepenuhnya iaitu media yang dikuasai oleh kerajaan, media berbayar, media sosial dan juga media di bawah kawalan agensi. Aspek ini dapat dijelaskan melalui Rajah 1 seperti di bawah.



Rajah 1 : Sifat media dalam pelaksanaan perancangan media

Sumber: Marta. (2020). *A comprehensive guide to media monitoring and tools* [19]

4. Perancangan Media Oleh Pasukan Petugas Kebangsaan atau National Task Force

Dalam menjayakan pelaksanaan perancangan media bagi OP BENTENG, unit media agensi utama yang menganggotai NTF ini telah diberikan peranan utama untuk menjayakan perancangan media OP BENTENG. Antaranya ialah Bahagian Hal Ehwal dan Komunikasi Markas Angkatan Tentera, Bahagian Komunikasi Korporat Polis Diraja Malaysia, Bahagian Perhubungan awam Markas Tentera Darat, Bahagian Komunikasi Strategik Markas Tentera Laut Diraja Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Awam Markas Angkatan Bersama, Markas Angkatan Tentera serta Bahagian Perisikan Pertahanan Angkatan Tentera dan ia diselaraskan oleh Bahagian Komunikasi NTF yang diketuai oleh seorang pegawai kanan Tentera Gred 54 [20].

Objektif utama perancangan media bagi OP BENTENG ialah untuk mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang kewujudan, peranan dan tanggungjawab agensi penguatkuasaan keselamatan NTF dengan tema ‘Kedaulatan Dikuatkuasakan, Sempadan Dilindungi’ atau slogan yang sering digunakan ‘perbatasan di perkasa kedaulatan terpelihara’ [21]. Bagi menjayakan lagi perancangan media ini pendekatan yang sesuai telah dilaksanakan

berdasarkan objektif operasi, sifat media dan juga matlamat yang ingin dicapai berdasarkan objektif serta matlamat yang telah digariskan. Melalui perancangan media, OP BENTENG telah mengenal pasti beberapa pendekatan berdasarkan perancangan media seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Perancangan Media OP BENTENG

Platform	Elemen/Agensi	Program
Media Sosial	1. Facebook 2. Instagram 3. Twitter 4. You Tube 5. Telegram 6. SMS -	Pengumuman khidmat awam 1. E-Poster 2. Video 3. TV/Radio 4. Iklan luar
Media Elektronik	1. RTM 2. BERNAMA 3. Astro Awani 4. Media Prima 5. Stesen Radio 6. Rerangkak Televisyen	Rancangan Televisyen (Bual Bicara dan Majalah) 1. TV3 –Malaysia Hari ini (temu ramah) 2. RTM – Selamat Pagi Malaysia 3. BERNAMA – Raung Bicara
Media Luar	1. Papan iklan (billboard) 2. Mesin ATM 3. Stesen minyak 4. Plaza Tol 5. Kad TnG	4. TV3 – Majalah TV dan dokumentasi 5. AWANI – Bual Bicara 6. Radio RTM – Temu bual Radio
Media Cetak	1. Rencana akhbar/ iklan 2. Maklumat berita dan laporan kejadian 3. Kenyataan media.	


Sumber: Bahagian Media Markas National Task Force [22].

Terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan untuk menyampaikan maklumat, kesedaran, keprihatinan atau kesedaran terhadap isu-isu jenayah yang berlaku dalam persekitaran lokal atau pun global. Antara pendekatan yang diambil kira berdasarkan pendapat Weinberg, B. D. dan Pehlivan, E [23] yang menyatakan, aspek mesej atau naratif yang hendak disampaikan, kumpulan sasaran, fasa pelaksanaan berdasarkan fasa dan tempoh masa, kaedah dan medium penyampaian, penyebaran melalui media sosial, liputan oleh media cetak dan elektronik serta kaedah pelaksanaan pengurusan berita dan maklumat menerusi tiga pendekatan iaitu mesej dan naratif, kumpulan sasaran dan pelaksanaan berdasarkan fasa atau tempoh.

- a. **Mesej dan naratif.** Bagi memastikan mesej dan naratif yang tepat disalurkan kepada kelompok sasaran, seperti kelompok yang sering melanggar peraturan dan undang-undang perdagangan serta aktiviti yang bercanggah dengan peraturan negara, mesej dan slogan yang sesuai digunakan seperti, ‘memusnahkan pengkhianat negara’ dan ‘memperkasa

kedaulatan negara' memaparkan kesungguhan pihak agensi untuk menangani permasalahan tersebut.

- b. **Kumpulan sasar.** Tumpuan kumpulan sasar NTF untuk menyampaikan maklumat yang tepat bagi pencegahan jenayah yang pelbagai merangkumi rakyat Malaysia seluruhnya, warga asing, masyarakat antarabangsa dan juga ahli keluarga anggota dan pegawai NTF sendiri. Orang awam atau masyarakat Malaysia umumnya perlu dijelaskan tentang isu-isu keselamatan, pendatang asing, pencerobohan sempadan, penyeludupan, jenazah, pendatang tanpa izin dan juga perdagangan manusia. Bagi kumpulan warga negara asing atau masyarakat antarabangsa mesej dan kandungan media juga dibuat dihasilkan dalam pelbagai bahasa asing agar ia dapat disebarkan kepada para pendatang asing atau pekerja asing yang memasuki Malaysia secara haram. Antara mesej yang disampaikan ialah penegasan bahawa masuk ke Malaysia tanpa dokumen yang sah merupakan kesalahan besar dan jangan mudah terpedaya dengan 'tekong' yang dikatakan mampu memberi perlindungan apabila masuk ke Malaysia. Berdasarkan maklumat yang diperoleh hasil mesej melalui pelbagai media, kebanyakan pendatang tanpa izin merasakan kekesalan di atas pelanggaran undang-undang dan mereka merasa tertipu selepas memberikan puluhan ribu ringgit sebagai bayaran untuk memperoleh pekerjaan dan kehidupan baru di Malaysia yang lumayan. Namun hakikatnya mereka ditahan oleh pihak berkuasa dan akhirnya dihantar semula ke negara asal. Kumpulan sasar penting juga ialah anggota serta pegawai NTF serta ahli keluarga yang berperanan untuk menyampaikan maklumat dan membawa mesej positif serta dapat menyampaikan maklumat yang tepat kepada orang lain. Interaksi mereka dengan masyarakat atau keluarga dapat menyampaikan maklumat yang betul serta sahih dan mereka menjadi agen penyampaian maklumat yang berkesan.
- c. **Pelaksanaan berdasarkan fasa dan tempoh masa.** Pelaksanaan perancangan media pada tahap ini merangkumi fasa mendidik yang memaparkan aspek-aspek penguatkuasaan, kata-kata semangat, penghargaan, peringatan, sentuhan emosi dan langkah pencegahan. Fasa ini juga mempunyai tempoh tertentu dan biasa setiap tahap selama empat bulan dan dalam tempoh tersebut, diharapkan mesej dapat difahami dan mencapai matlamat.



Rajah 2. Pertimbangan Perancangan Media


Sumber: Marta. (2020). *A comprehensive guide to media monitoring and tools*. [24]

Berdasarkan perancangan media yang telah dilaksanakan, pada umumnya pihak NTF telah melaksanakannya secara perkongsian strategik dengan pelbagai agensi media di Malaysia bagi menyebarkan naratif-naratif tertentu bagi membendung dan pencegahan jenayah ke arah memperkukuh keselamatan dan pertahanan sempadan Malaysia. Beberapa contoh perancangan media yang telah dilakukan oleh NTF dipaparkan dalam LAMPIRAN 1.

5. Analisis Keberkesanan Perancangan Media Dalam OP BENTENG.

Dalam amalan perhubungan awam dan komunikasi, setiap agensi yang melaksanakan tugas dan peranan ini sentiasa berusaha untuk mengukur tahap penyampaian dan keberkesanan atas usaha-usaha yang telah dilakukan melalui perancangan media yang telah dibuat Menurut Marta [25], pemantauan media amat penting dalam menyediakan maklumat dan sumber yang mereka boleh percayai untuk perancangan media selanjutnya. Berdasarkan Marta [26], pemantauan media masa kini khususnya dalam era internet dan media baru, pengukuran dan pemantauan media menjadi lebih penting. Pada masa kini pengguna internet bukan sahaja untuk berkomunikasi tetapi telah menjangkau kepada perdagangan, perniagaan, pembangunan produk, keselamatan dan juga isu-isu politik dan kesihatan. Pada masa kini sesiapa sahaja yang mempunyai telefon pintar atau kemudahan internet akan menggunakan kemudahan tersebut dalam bentuk yang pelbagai dan bagi organisasi kemudahan tersebut boleh dijadikan alat atau perkakas yang mampu mengawal dan merubah persepsi barangan atau perkhidmatan mereka melalui perancangan media yang dilaksanakan [27].

Berdasarkan pandangan Marta [28], terdapat tiga perkara yang ditekankan dalam aspek pemantauan media iaitu kata kunci, pemilihan parameter dan tahap penyebaran maklumat. Perkara ini dapat dijelaskan melalui Rajah 3, seperti di bawah



Rajah: 3. Proses Pemantau Media

Sumber: Marta. (2020). *A comprehensive guide to media monitoring and Tools* [29].

Berdasarkan perancangan media yang telah dilakukan oleh NTF, khususnya berkaitan dengan OP BENTENG, pihak NTF melaksanakan analisis keberkesanan perancangan media berdasarkan tiga petunjuk utama dalam internet iaitu dari aspek jumlah pernyataan (*volume*

mention), analisis sentimen dan jangkauan capaian (*estimated reach*). Bagi mencapai matlamat tersebut NTF telah menggunakan perkhidmatan agensi pemantauan media Isentia yang merupakan pembekal pengawasan media, pengurusan maklumat dan analisis yang mampu memberikan perkhidmatan pengurusan dan perancangan media. Perisian Isentia ini mampu membuat penilaian dengan pantas, mudah dan mesra media lain yang merangkumi media cetak, media elektronik, radio, televisyen dan juga pelbagai media baru. Sebagai contoh dalam tempoh kajian dilakukan, pemantau media menerusi Isentia pada 21 April 2021, dalam tempoh 24 jam, pemantau media dibuat menerusi empat aspek iaitu platform media, agensi media, nilai berita dan jangkauan capaian telah menunjukkan ia memperoleh pelbagai tindak balas maklumat serta jangkauan capaian yang tinggi. Beberapa aktiviti berkaitan perancangan dan pemantau media yang telah dilakukan oleh NTF dapat dipaparkan seperti di Lampiran 2 [30].

Selain dari itu pihak NTF juga telah membuat soal selidik secara atas talian mulai 10 hingga 17 Disember 2020 berkaitan dengan peranan NTF serta isu-isu jenayah. Seramai 800 responden telah memberikan maklum balas dan dapatan kajian soal selidik tersebut seperti Rajah 4 di bawah.

90%	70%	DAPATAN SOAL- SELIDIK	97%	80%
Menyatakan pernah tahu dan mendengar tentang NTF dan OP BENTENG	Bersetuju menyatakan kehadiran pendatang tanpa memberi kesan kepada keselamatan negara .		Menyatakan mengetahui NTF dan OP BENTENG dari media sosial	Menyatakan pernah tahu dan mendengar tentang NTF dan OP BENTENG
65%	70%	60%	73%	66%
Tahap keberkesanan pihak kerajaan mengurus isu PATI	Bersetuju bahawa untuk menyalurkan maklumat berkaitan dengan isu-isu keselamatan melalui media sosial	Menyatakan pernah tahu dan mendengar tentang NTF dan OP BENTENG	Menyatakan tidak tahu bagaimana hendak melaporkan kepada pihak berkuasa jika tahu atau nampak jenayah berlaku	Menyatakan pihak kerajaan masih gagal untuk mengurus PATI dan perkara tersebut perlu dibaiki

Rajah 4: Dapatan kajian soal selidik atas talian OP BENTENG dan NDF

Sumber: Bahagian Media Markas National Task Force [31].

6. Kesimpulan.

Secara umumnya peranan penubuhan NTF tidak banyak berbeza dengan penugasan agensi keselamatan lain, tetapi dari sudut strategik pertahanan negara, kewujudannya secara langsung mendukung Kertas Putih Pertahanan dan merealisasikan Konsep HANRUH ataupun Pertahanan Menyeluruh yang telah diperkenalkan sejak beberapa lama. HANRUH adalah satu konsep pemahaman dan penekanan bahawa tanggungjawab mempertahankan kedaulatan serta keselamatan negara bukan hanya terletak pada bahu anggota keselamatan semata-mata, tetapi ia tanggungjawab individu yang lahir dan mengaku sebagai rakyat Malaysia. Berdasarkan laporan sehingga 31 Mei 2021, seramai 14,013 PATI dan 1,055 tekong ditangkap. Terdapat 1,409 kes penglihatan direkodkan, selain 379 kes pengusiran membabitkan PATI, kapal atau bot dan lain-lain. Terdapat juga 1,590 kes laporan rampasan dengan jumlah keseluruhan melebihi RM501 juta [32]. Secara keseluruhannya menunjukkan terdapat usaha-usaha dan pendekatan yang konstruktif yang dilakukan menerusi perancangan media (*media planning*) oleh *National Task Force* bagi membina kesedaran rakyat untuk bersama kerajaan untuk membanteras ancaman keselamatan yang berbentuk ancaman tradisional dan juga ancaman bukan tradisional di Malaysia.

RUJUKAN

- [1] Mely Caballero-Anthony. (2007). Nontraditional Security and Multilateralism in Asia. *Policy Analysis Brief, June*, 12. [http://www. Stanley foundation.org. publication/pab/pab07mely.pdf](http://www.Stanley foundation.org/publication/pab/pab07mely.pdf). dirujuk pada 10 April 2022
- [2] Afolabi, Muyiwa Bamidele. *Concept of Security. Readings in Intelligence and Security Studies*. 2016. Chapter October.
- [3] Oshio, E. The Challenge of National Security and Development by Dean, Faculty of Law Being a Paper Delivered at the Delta State Christian Professional League Seminar on Crisis Management and Nation Building at Grand Hotel, Asaba. *Crisis Management and Nation Building*. (2009). Pp. 1–16.
- [4] Hans J. Morgenthau, *Politics Among Nations: The Struggle for Power and Peace*, Fifth Edition, Revised. New York: Alfred A. Knopf. 1978.
- [5] Ruhanas Harun. Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36. 2009, pp. 16–40.
- [6] Mohd Azmir Mohd Nizah . Migrasi Dan Ancaman Keselamatan Malaysia: Analisa Terhadap Etnik Rohingya. Proceeding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA 4), UPSI. Tanjung Malim Perak. 2016.
- [7] Maimunah Omar. 2021. Gabungan 19 perkukuh, jayakan pertahanan menyeluruh. Berita Harian online 29 Jun 2021. Dirujuk pada 12 April 2022
- [8] Anthony, Mely Caballero. “From Comprehensive Security to Regional Resilience: Coping with Nontraditional Security Challenges”. ASEAN@50: Vol. 4– Building ASEAN Community Political Security and Socio-Cultural Reflections. 2015.
- [9] Mughan, Anthony & Gunther, Richard. “The Media in Democratic and Nondemocratic Regimes: A Multilevel Perspective.” Dalam Gunther, Richard & Mughan, Anthony (eds), *Democracy and the Media, A Comparative Perspective*. United Kingdom: Cambridge University Press, Hal. 2000). pp. 1-27.
- [10] Abraham, R. *Media and National Security* (Issue July 2012). KW Publishers. 2012.

- [11] Afolabi, Muyiwa Bamidele. "Concept of Security". Readings in Intelligence & Security Studies, Chapter October. 2016.
- [12] Bedford, L. *Social media: Enhancing the U.S. military's communication with its target audience*. December. 2016.
- [13] Kaid, L. L. *Encyclopedia of Political Communication - Google Books* .2008. pp. 496–498.
- [14] Carroll, C. G. *The United States Army Public Diplomacy Officer: Military public affairs officers' roles in the global information environment*. University of North Carolina. 2007.
- [15] Klepka, R. *The role of media in informing and acting for the sake of national security*. February. 2019.
- [16] Abraham, R. *Media and National Security* (Issue July 2012). KW Publishers. 2012.
- [17] Theaker, A. The public relations handbook. In *The Public Relations Handbook*. <https://doi.org/10.4324/9780429298578>.pp 4-8. 2020.
- [18] Taylor, S., Workman, L., Taylor, S., & Workman, L. The role of the media. *The Psychology of Human Social Development, July*, 414–446. <https://doi.org/10.4324/9781315441320-13>. 2019.
- [19] Marta. (2020). *A comprehensive guide to media monitoring and tools*.
- [20] Markas Angkatan Bersama, Markas Angkatan Tentera. www.maf.gov.my.2022.
- [21] Bahagian Media Markas National Task Force. www.maf.gov.my.2022.
- [22] Bahagian Media Markas National Task Force. www.maf.gov.my.2022.
- [23] Weinberg, B. D.& Pehlivan, E. (2011). *Social spending: Managing the social media mix* Indiana: Kelley School of Business.
- [24] Marta. *A comprehensive guide to media monitoring + Tools*. Brand24.Com. <https://brand24.com/blog/what-is-media-monitoring-and-analysis/>.2020.
- [25] Marta. *A comprehensive guide to media monitoring + Tools*. Brand24.Com. <https://brand24.com/blog/what-is-media-monitoring-and-analysis/>.2020.
- [26] Marta. *A comprehensive guide to media monitoring + Tools*. Brand24.Com. <https://brand24.com/blog/what-is-media-monitoring-and-analysis/>.2020.
- [27] Schwarz, A. How publics use social media to respond to blame games in crisis communication: The Love Parade tragedy in Duisburg 2010. *Public Relations Review*, 38(3), 430–437. <https://doi.org/10.1016/j.pubrev.2012.01.009>. 2012.
- [28] Marta. *A comprehensive guide to media monitoring + Tools*. Brand24.Com. <https://brand24.com/blog/what-is-media-monitoring-and-analysis/>.2020.
- [29] Marta. *A comprehensive guide to media monitoring + Tools*. Brand24.Com. <https://brand24.com/blog/what-is-media-monitoring-and-analysis/>.2020.
- [30] Isentia. *Isentia Media Monitoring: TV, Radio, Print, Online, social media*. Isentia.Com. <https://www.isentia.com/monitoring/2020>.
- [31] Bahagian Media Markas National Task Force. www.maf.gov.my.2022.
- [32] Maimunah Omar.. Gabungan 19 agensi perkukuh, jayakan pertahanan menyeluruh. *Berita Harian online* 29 Jun 2021. Dirujuk pada 12 April 2022.